Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

7

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH AGUNG,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR.

No. Ruj : JK/MA.38.Jld.IV

Tarikh : 25hb Jun 1990

Yang Arif Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Hakim Mahkamah Sesyen, Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret, Semenanjung Malaysia.

PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA NO. 3 TAHUN 1990
Alasan Penghakiman Dalam Bahasa Malaysia

Sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 melalui Akta Pindaan A765, segala prosiding dalam mahkamah (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

Sehubungan dengan itu adalah difikirkan wajar bagi maksud melicinkan pelaksanaan penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah, semua Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya, semua Hakim Mahkamah Sesyen dan semua Majistret diminta mengemukakan satu alasan penghakiman dalam bahasa kebangsaan kepada saya setiap bulan. Tujuannya ialah untuk mengenalpasti masalah-masalah

.../2-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

yang berkaitan dengan pelaksanaan bahasa kebangsaan pada keseluruhannya supaya langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah tersebut dapat diambil oleh Badan Kehakiman.

Kerjasama daripada YA/Tuan/Puan sangat dihargai.

(TAN SRI HASHIM YEOP A. SANI)
Hakim Besar Malaya.

s.k.

1. YAA Ketua Hakim Negara.
2. YAA Hakim Besar Borneo (untuk makluman).
3. YA Hakim-Hakim Mahkamah Agung (untuk makluman).
4. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Agung.
5. Tuan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.
6. Bahagian Penyelidikan dan Sekretariat Bahasa Malaysia, Mahkamah Agung.